

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
NEGARA,
MESYUARAT KOSONG, PENGGAL
KOSONG,
PARLIMEN KOSONG TAHUN**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN TAN CHENG TEE
TARIKH : 29 JULAI 2004 (KHAMIS)

SOALAN

YB Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah untuk mengatasi masalah sosial di kalangan remaja di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah di kalangan remaja dengan menerapkan nilai-nilai murni kepada remaja melalui program dan aktiviti yang dijalankan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk membendung gejala sosial khususnya di kalangan remaja merupakan tanggungjawab bersama semua pihak termasuk ibu bapa dan ahli-ahli masyarakat dan bukannya terletak di bahu Kerajaan atau sesuatu Kementerian semata-mata. Ia memerlukan satu tindakan yang kolektif, bersepadu dan menyeluruh semua pihak.

Secara amnya, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah melalui tiga pendekatan iaitu pencegahan, intervensi dan pemulihan bagi menangani masalah sosial di kalangan remaja.

Bagi pendekatan pencegahan, usaha yang dilakukan adalah di peringkat awal bagi mencegah seseorang itu daripada terjebak dalam masalah sosial. Antara langkah-langkah yang diambil ialah :

- i. Menggalakkan amalan hidup sihat dan harmoni dari segi fizikal, mental dan rohani. Ini dapat dilihat melalui kempen-kempen gaya hisap sihat, anti-rokok, anti-dadah dan lain-lain.
- ii. Memantapkan institusi keluarga dan komuniti.
- iii. Menerapkan nilai-nilai murni dan kesedaran sivik serta semangat patriotisme seperti Program Khidmat negara, Rakan Muda dan Kursus Bina Insan.
- iv. Menggalakkan program-program komuniti di kawasan komuniti setempat seperti Jiran Muda Rukun Tetangga di mana pelbagai program boleh dirancang dan dilaksanakan oleh remaja untuk bergiat aktif di dalam komuniti.

Bagi pendekatan intervensi pula, ia merupakan tindakan yang diambil semasa seseorang itu sudah pun terlibat dengan masalah sosial. Di peringkat ini,

NO SOALAN: 5

kaunseling dan mediasi merupakan dua kaedah utama yang diambil bagi meringankan beban dan masalah yang dihadapi oleh individu atau kumpulan yang terlibat.

Manakala, pendekatan pemulihan merupakan langkah yang diambil untuk memulihkan seseorang yang telah terjebak dalam masalah sosial dengan hasrat individu tersebut dapat dipulihkan dan seterusnya dapat diintegrasikan semula dalam masyarakat. Kementerian ini melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia turut juga menyediakan perkhidmatan pemulihan di institusi-institusi pemulihan seperti Sekolah Tunas Bakti, Taman Seri Puteri dan Asrama Akhlak bagi juvana yang terjebak dalam masalah sosial atau jenayah ringan. Institusi-institusi pemulihan tersebut telah menyediakan program-program pemulihan seperti kaunseling, pendidikan agama, moral, penerapan nilai-nilai murni, pendidikan akademik, latihan vokasional dan rekreasional.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh LPPKN ialah menjalankan program-program untuk pembangunan sahsiah remaja melalui Modul Permata KASIH dan menerusi aktiviti-aktiviti seperti seminar, kursus, "Summer Camp", ceramah bulanan, bengkel dan lain-lain. Sejak modul ini diterbitkan pada 1997 sehingga Jun 2004, seramai 3,700 jurulatih utama dari agensi-agensi berkaitan telah dilatih manakala 60,130 pelajar sekolah telah mengikuti bengkel Permata KASIH.

Bagi menentukan adanya kesinambungan antara remaja dan persekitaran keluarga, ibu bapa diberi kemahiran keibubapaan, melalui Modul Keibubapaan Anak Kecil (Belaian KASIH), Modul Keibubapaan Anak Remaja (Mutiara KASIH) dan Modul Kebapaan (Pancaran KASIH). Dari tahun 1998 hingga kini, seramai

NO SOALAN: 5

7,800 jurulatih telah dilatih oleh LPPKN dan 55,440 orang para ibu dan bapa telah menyertai kursus, bengkel, seminar dan ceramah berkaitan keibubapaan.

Sebagai usaha melibatkan pelbagai pihak lain dalam menangani masalah remaja di peringkat akar umbi, LPPKN turut bekerjasama dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Di bawah peruntukan Bantuan Khas Perpendaharaan, sebanyak RM350,000 telah diluluskan kepada 33 NGO untuk menjalankan 19 program pembangunan remaja dari tahun 2002 ke 2003. Seramai 2,580 para remaja telah dapat mengikuti program ini.

Selaras dengan usaha untuk membentuk remaja yang sihat dari segi rohani dan jasmani, LPPKN juga telah jalankan Program “MY PEER” di 4 negeri supaya dapat menggunakan para remaja sebagai rakan sebaya untuk menasihati remaja mengenai hal-hal kesihatan reproduktif. Susulan daripada ini, LPPKN akan menubuhkan satu Pusat Remaja secara perintis yang akan menjadi pusat sehenti kepada remaja untuk mendapatkan khidmat kaunseling dari segi kesihatan reproduktif, pemeriksaan kesihatan, melayari internet serta menjalankan aktiviti-aktiviti yang sihat.

Kementerian melalui agensi dibawahnya iaitu LPPKN, JKM dan JPW akan terus berusaha untuk mengatasi masalah salah laku remaja melalui langkah-langkah pencegahan, pencelahan dan pemulihan seperti berikut:-

- Melatih lebih ramai kumpulan jurulatih daripada agensi-agensi Kerajaan dan NGO untuk melaksanakan program latihan dan pendidikan keibubapaan dan kekeluargaan melalui Latihan Kejurulatihan (Training of Trainers) dalam bidang pembangunan keluarga dengan menggunakan Pakej KASIH yang telah dibangunkan oleh LPPKN.
- Mempertingkatkan penyebaran pendidikan keibubapaan dan pembangunan remaja melalui aktiviti di peringkat akar umbi melalui Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga yang telah diwujudkan oleh Kementerian di setiap kawasan Parlimen dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGO).

NO SOALAN: 5

- Mempertingkatkan kesedaran masyarakat kearah menghayati dan menerapkan nilai-nilai murni yang sedia ada dalam agama dan budaya melalui kempen di media elektronik dan cetak.
- Mempertingkatkan kerjasama dengan Kementerian Pelajaran, Polis Di Raja Malaysia (PDRM), agensi kerajaan berkaitan serta NGO bagi menjalankan program dan aktiviti sama ada dari segi pencegahan, pencelahan, pemulihan dan juga penguatkuasaan kepada kumpulan sasar remaja.
- Meningkatkan lagi keupayaan institusi-institusi pemulihan untuk mendidik pesalah-pesalah juvana melalui program dan aktiviti kekeluargaan dan kemasyarakatan.
- Memantapkan lagi perkhidmatan kaunseling LPPKN dengan pelantikan sekurang-kurangnya seorang Kaunselor bagi setiap negeri pada tahun ini.